

DATE: 03/02/2008

Rakyat kena pasti rumah bebas jenayah: Abdullah

Setiap keluarga harus pandai, tidak cuai jaga harta benda sendiri

Oleh Fazli Abdullah dan Fazallah Pit

NIBONG TEBAL: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu rakyat turut memikul tanggungjawab memerangi jenayah, bukannya menyerahkan sepenuhnya kepada polis.

Perdana Menteri berkata, jenayah bukan saja berlaku di luar rumah, sebaliknya bermula di dalam rumah seperti penderaan dan ia sesuatu yang boleh dielakkan.

Sehubungan itu, katanya, rakyat perlu memastikan rumah mereka sentiasa selamat dan bebas daripada sebarang jenayah.

"Rakyat kena pastikan dalam rumah mereka tidak berlaku jenayah, yang ada hanyalah kasih sayang," katanya berucap melancarkan Program Semai Bakti fasa kedua peringkat kebangsaan di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti Puteri Gunung, Taman Tasek Indah, Simpang Ampat dekat sini, semalam.

Hadir sama, Datin Seri Jeanne Abdullah; Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon; beberapa Menteri Besar dan Ketua Menteri serta menteri

Kabinet dan isteri masing-masing.

Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkata, ibu bapa juga perlu sentiasa mengawasi anak mereka, terutama apabila berada di luar bagi memastikan keselamatan sentiasa terjamin.

"Ahli keluarga perlu berfikir panjang soal keselamatan anak. Jangan sampai kita (keluarga) menjadi penyebab terhadap jenayah yang ber-

“Ahli keluarga perlu berfikir panjang soal keselamatan anak. Jangan sampai keluarga menjadi penyebab terhadap jenayah yang berlaku terhadap anak”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

laku terhadap anak.

"Setiap keluarga juga harus pandai dan tidak cuai dalam menjaga harta benda masing-masing bagi mengelak jenayah. Ini peranan yang boleh dibuat setiap rakyat," katanya.

Perdana Menteri berkata, orang ramai juga perlu memiliki sikap bertanggungjawab dengan sanggup membantu mangsa jenayah atau menjadi saksi kes jenayah.

"Kita kena sedia membantu. Jangan pejam mata apabila tengok jenayah. Kenalah ambil tahu, buat laporan dan salurkan kepada polis," katanya.

Beliau berkata, guru bertugas di sekolah masing-masing pula perlu memainkan peranan penting dan bertanggungjawab terhadap keselamatan murid sehingga mereka pulang ke rumah.

Katanya, guru bertugas perlu sedia berkorban apabila ada kalangan murid menghadapi kesusahan bagi mengelak mereka terdedah bahaya.

"Ia sebahagian bentuk kawalan yang boleh dibuat bagi mengurangkan jenayah membabitkan kanak-kanak dalam atau luar rumah," katanya.

Sementara itu, Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) memperluas Program Semai Bakti fasa kedua dengan membabitkan Orang Kurang Upaya (OKU) pelbagai kaum di seluruh negara.

Berucap pada majlis perasmian Program Semai Bakti fasa kedua di PDK Puteri Gunung, Simpang Ampat dekat sini, semalam, Jeanne yang juga Yang Dipertua Bakti, berkata semua Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) termasuk di luar bandar akan terbabit secara langsung dalam pelaksanaan program itu.

Beliau berkata, perluasan skop itu membolehkan golongan OKU di negara ini, diberi peluang membuktikan kebolehan mereka dalam pembangunan negara.

Katanya, Bakti akan bergabung tenaga bersama sukarelawan sebagai pelengkap kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi menjayakan program itu.

"Menjadi tanggungjawab kita sebagai masyarakat prihatin untuk menerima golongan OKU dan membela mereka," katanya.